



PERILAKU FONOLOGI KONSONAN DI AKHIR KATA DIALEK PETANI SIK

**[THE PHONOLOGICAL BEHAVIOUR OF WORD-FINAL CONSONANTS IN THE
PETANI SIK DIALECT]**

*Nur Syazwani Salam & Sharifah Raihan Syed Jaafar

Centre of Language and Linguistics, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti
Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: nursyazwanisalam@gmail.com

Received: 28 Dec 2018, Accepted: 14 May 2019

ABSTRAK

Kajian ini mendeskripsikan perilaku fonologi konsonan yang berada di akhir kata dalam dialek Petani Sik yang dituturkan di daerah Sik, Kedah, Malaysia. Terdapat beberapa fenomena fonologi yang berlaku di akhir kata dalam dialek Petani Sik, Kedah lantaran sekatan ke atas kehadiran sesetengah konsonan di posisi dalam dialek ini. Data kajian telah diperoleh melalui kajian rintis, soal selidik serta kajian lapangan yang melibatkan pemerhatian dan rakaman. Pengumpulan data dilakukan di Kampung Telaga Batu, Sik, Kedah dengan memilih 30 penutur natif yang berumur antara 45 hingga 75 tahun. Hasil analisis menunjukkan konsonan /r/, /l/, /s/, /m/ dan /h/ tidak dibenarkan hadir di akhir kata dalam dialek Petani Sik. Kehadiran konsonan-konsonan ini telah ditangani dengan proses fonologi seperti peleburan, penggantian, penyisipan dan pengguguran. Penggantian konsonan /s/ kepada [ç] yang didahului oleh vokal tinggi dan /s/ kepada [h] yang didahului oleh vokal /a/ serta diikuti oleh penyisipan [j] sebelum konsonan tersebut merupakan output dialek Petani Sik yang paling menarik khususnya bunyi [ç]. Kehadirannya dalam dialek-dialek Melayu sangat terhad hanya kepada dialek Kedah Utara dan tidak wujud dalam bahasa Melayu standard. Kemunculannya

yang terbatas ini menjadi lambang identiti unik dalam dialek Kedah khususnya dialek Petani Sik. Penelitian proses fonologi di akhir kata dalam dialek Petani Sik memberi implikasi sebagai nilai tambah kepada kajian terdahulu selain sebagai perintis ke arah penyelidikan ilmiah yang memelihara dan mendokumentasikan sistem nahu sebuah dialek Melayu yang semakin kurang penuturnya.

Kata kunci: Bahasa Melayu, dialek Kedah, dialek Petani Sik, fonologi, konsonan akhir kata.

ABSTRACT

This study describes the phonological behaviour of word-final consonants in the Petani Sik dialect spoken in the Sik region of Kedah, Malaysia. There are a number of phonological phenomena which occur at word-final position in the Petani Sik dialect due to restriction on the presence of consonants at this position of word. Data for this study were obtained through pilot study, questionnaire and fieldwork which included observation and recording. Data gathering at Kampung Telaga Batu, Sik, Kedah was carried out involving 30 native speakers aged between 45 and 75 years. The findings show that consonants /r/, /l/, /s/, /m/ and /h/ are not allowed to occur at word-final position in the Petani Sik dialect. The occurrence of these consonants has been resolved by the phonological processes namely coalescence, substitution, epenthesis and deletion. The substitution consonant from /s/ to [ç] which is preceded by a high vowel and from /s/ to [h] before /a/ which is then followed by the epenthesis [j] before the consonant are the most interesting outputs yielded from the dialect particularly the [ç] sound. Its presence in Malay dialects is limited only for the North Kedah dialect. It also does not exist in the standard Malay. The limited presence of this sound is interesting as it represents a unique identity symbol for Kedah dialect particularly Petani Sik dialect. This study contributes to the phonological knowledge in the dialect and it documents the grammar of a Malay dialect which now has less speakers.

Keywords: Kedah dialect, Malay language, Petani Sik dialect, phonology, word-final position.

Cite as: Salam, N. S. & Syed Jaafar, S. R. (2019). Perilaku fonologi konsonan di akhir kata dialek petani Sik. *Journal of Nusantara Studies*, 4(1), 316-343.
<http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol4iss1pp316-343>

1.0 PENGENALAN

Dialek Petani Sik (DPS) merupakan sebuah dialek yang berasal daripada dialek Petani (DP) yang terdapat dalam rumpun bahasa Austronesia dan tergolong dalam bahasa Melayu Timur Laut. Pada asalnya, DP berasal daripada Thailand dan dituturkan secara meluas di wilayah selatan Thailand seperti Narathiwat, Yala, Pattani dan di sesetengah kawasan di Songkhla dan Satun (Yupho, 1989; Ruslan, 2011). Di Malaysia, DP banyak dituturkan oleh masyarakat di Semenanjung seperti di Kelantan, Perak dan Kedah. Di negeri-negeri ini, DP lebih dikenali mengikut dialek negeri tersebut, misalnya dialek Petani Kelantan, dialek Petani Perak, manakala di Kedah pula ia dikenali dengan nama DPS dan dialek Petani Baling (Asmah, 1985).

DP yang dituturkan di Kedah hanya didapati di tiga daerah sahaja, iaitu daerah Sik, daerah Baling dan daerah Padang Terap. Ketiga-tiga daerah ini mempunyai kedudukan yang bersempadan dengan Thailand dan Perak. Disebabkan itu, berlakunya peresapan bahasa dari Thailand dan Perak serta perpindahan penduduk terutamanya dari wilayah Pattani, Thailand ke daerah Sik, daerah Baling dan daerah Padang Terap. Penduduk yang berpindah dari wilayah Pattani, Thailand dipanggil sebagai orang Petani. Disebabkan itu, ketiga-tiga daerah ini menjadi kawasan peralihan antara dialek, iaitu dialek Kedah dan DP. DP di ketiga-tiga daerah ini adalah berbeza, sebagai contohnya di daerah Sik, dialek ini dikenali sebagai DPS, manakala di daerah Baling pula dikenali sebagai dialek Petani Baling (Asmah, 1985).

Peralihan antara dialek yang berlaku di ketiga-tiga daerah di Kedah tersebut menyebabkan DP mempunyai sistem bunyi dan kata yang bervariasi dan menarik untuk dikaji. Setakat pengetahuan pengkaji, terdapat beberapa kajian yang pernah dilakukan mengenai DPS atau yang hampir dengannya, iaitu Asmah (1985), Collins (1989), Zaharani (2006), Shahidi (2009), dan Norfazila dan Rahim (2014). Daripada senarai ini, jelas membuktikan kajian tentang DPS masih belum diberi perhatian sewajarnya. Perbincangan mengenai dialek lazimnya menjadi menarik untuk diteliti terutamanya apabila aspek fonetik dan fonologi dialek yang banyak memaparkan perbezaan yang unik turut diberi perhatian oleh pengkaji.

Pelbagai aspek fonetik dan fonologi yang boleh diberi perhatian ketika membincangkan sesebuah dialek. Antara aspek umum fonetik dan fonologi yang sering diberi perhatian pengkaji lampau ialah sistem konsonan dan vokal serta proses fonologi. Kajian berkenaan sistem konsonan dan vokal adalah kajian awal yang sering dilakukan oleh pengkaji dalam meneliti sesebuah dialek. Ini dapat dilihat dalam perbincangan yang dilakukan oleh Shahidi (2009) ke atas subdialek Kedah Utara (selepas ini, KU), manakala proses fonologi pula telah dibincangkan oleh Asmah (1985), Collins (1989), Zaharani (2006), dan Norfazila dan Rahim

(2014). Namun, proses fonologi yang difokuskan oleh pengkaji-pengkaji ini berbeza antara satu sama lain. Asmah (1985) lebih membincangkan proses fonologi DPS secara umum dengan menyentuh semua proses fonologi yang terlibat dalam dialek tersebut. Collins (1989) pula lebih memfokuskan kepada proses penasalan yang berlaku dalam dialek-dialek yang ditelitinya termasuk DPS. Zaharani (2006) pula membincangkan proses fonologi yang melibatkan konsonan likuida /r/ dan /l/ di lingkungan akhir kata dalam dialek Kedah manakala Norfazila dan Rahim (2014) meneliti aspek pemanjangan vokal dalam DPS.

Setelah mempertimbangkan kekurangan yang ada dalam kajian lepas, maka kajian ke atas DPS ini dilakukan. Kajian ini ingin membuktikan proses fonologi yang berlaku ke atas konsonan-konsonan yang berada di lingkungan akhir kata dalam DPS bukan sahaja melibatkan konsonan likuida /r/ dan /l/ seperti yang dibincangkan oleh Zaharani (2006), malah konsonan-konsonan lain juga. Dalam fonologi, adanya sekatan ke atas kehadiran sesuatu segmen di posisi akhir kata. Terdapat konsonan yang dibenarkan hadir dan ada konsonan yang tidak dibenarkan hadir di posisi ini bergantung kepada syarat fonologi dialek/bahasa yang dikaji. Lazimnya, konsonan yang tidak dibenarkan hadir di posisi akhir kata akan ditangani dengan proses fonologi tertentu bergantung kepada nahu dialek/bahasa tersebut. Justeru, kajian ini akan memfokuskan kepada kehadiran konsonan di akhir kata dalam DPS serta proses-proses fonologi yang terlibat dengan penjelasan daripada pendekatan fonologi, iaitu tatatingkat kekangan daripada teori Optimaliti (TO).

2.0 KAJIAN LEPAS DAN PERMASALAHANNYA

Asmah (1985) merupakan sebuah kajian pertama yang mengkaji DPS. Kajian yang dilakukan oleh beliau ini mengkaji keseluruhan bunyi vokal, konsonan dan diftong yang terdapat DPS. Walaupun begitu, beliau tidak menjelaskan secara terperinci perubahan vokal dan konsonan yang terdapat dalam DPS. Contohnya, input /pisau/ menjadi [pisow], iaitu perubahan bunyi /au/ menjadi [ow] di akhir kata. Beliau hanya menjelaskan berlaku perubahan bunyi sahaja. Konsonan /r/ di akhir kata seperti dalam perkataan /təlur/ menjadi [tələ] telah diuraikan sebagai suatu proses penguguran, tetapi tidak menjelaskan bagaimana penguguran itu berlaku dengan jelas.

Collins (1989) pula menyentuh mengenai proses penasalan dalam dialek-dialek Melayu seperti dialek Sarawak dan dialek Terengganu. Beliau telah membina sebuah rumus fonologi yang membuktikan wujudnya konsonan sengau dalam DPS dan DK. Data DP yang digunakan oleh Collins (1989) ialah data DP yang diambil daripada daerah Sik, Baling dan kawasan yang

menuturkan DP yang lain. Walau bagaimanapun, beliau tidak banyak menyentuh tentang DP dan hanya bertumpu kepada rumus fonologi serta menggunakan data kajian yang agak terbatas.

Zaharani (2006) meneliti alternasi fonologi dalam enam dialek daerah bahasa Melayu, iaitu dialek Johor, dialek Kedah, dialek Perak, dialek Melaka, dialek Kelantan dan dialek Sarawak yang didorong oleh kekangan SYARAT KODA yang diperkenalkan oleh Ito dan Armin (1994) yang diformalisasikan dalam TO seperti berikut:

SYARAT KODA (Ito & Armin, 1994)

Jajar Kiri (l/r, σ)

Dalam huraianannya, beliau menyatakan konsonan /r/ di akhir kata dalam dialek Kedah mengalami penggantian, tidak seperti bahasa Melayu Standard (BMS) yang mana konsonan /r/ di posisi akhir kata digugurkan. Menurut beliau, segmen /r/ digantikan oleh bunyi frikatif faring [ʕ]. Justeru, input /pagar/ akan muncul sebagai [pagaʕ] dalam dialek Kedah. Kajian Zaharani (2006) ini walaupun membincangkan tentang kehadiran /r/ di akhir kata dalam dialek Kedah, namun beliau hanya memfokuskan pada konsonan likuida sahaja. Konsonan-konsonan lain tidak dibincangkan. Dalam kajian DPS ini, kekangan SYARAT KODA yang digunakan oleh Zaharani (2006) akan diteliti semula kerelevanannya dalam menjelaskan fenomena konsonan di akhir kata dalam dialek ini.

Shahidi (2009) telah meneliti inventori konsonan dalam subdialek Kedah Utara (KU). Beliau mengelaskan konsonan kepada enam cara artikulasi iaitu hentian, afrikat, nasal, lateral, getaran dan separuh vokal. Walaupun kajian Shahidi (2009) ialah mengenai KU, namun kajian ini ialah kajian yang paling hampir dengan DPS. Hal ini kerana menurut Asmah (1985), DPS merupakan sebahagian daripada subdialek Melayu Utara, iaitu sekumpulan dengan dialek Perlis, Pulau Langkawi, Lembah Kedah-Seberang Perai yang bermula dari Kubang Pasu hingga ke Bandar Baharu, daerah Baling, daerah Padang Terap sehingga ke Padang Besar. Shahidi (2009) telah menggunakan data daripada Asmah (1985) untuk meneliti proses-proses fonologi yang terdapat dalam subdialek Kedah Utara (KU) di samping memaparkan distribusi fonem vokal dan konsonannya. Dalam kajiannya, Shahidi (2009) ada menerangkan kewujudan frikatif [ç] dalam DPS tetapi tidak memberikan contoh leksikal yang menggunakan frikatif [ç] dalam DPS.

Seterusnya ialah kajian yang dilakukan oleh Norfazila dan Rahim (2014) berkenaan dengan pemanjangan vokal dalam DPS. Proses pemanjangan vokal berlaku disebabkan oleh

proses pengguguran, pembundaran dan peninggian vokal. Hasil kajian ini mendapati bahawa dialek DPS tidak membenarkan kehadiran dua vokal secara berturutan. Jika berlaku kehadiran dua vokal secara berturutan, vokal pertama akan mengalami pengguguran menyebabkan vokal kedua dibundarkan dan menjadi tinggi. Kajian ini tidak menjelaskan dengan mendalam tentang DPS sebaliknya menjurus kepada perbincangan pemanjangan vokal yang berlaku di tengah suku kata sahaja seperti /puasa/ menjadi [posa] dan /biawak/ menjadi [bEwak].

3.0 METODOLOGI

3.1 Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kajian yang digunakan untuk memperolehi data DPS adalah melalui kajian rintis, soal selidik, pemerhatian dan rakaman di lapangan. Kajian rintis dilaksanakan selama tujuh hari untuk meninjau kawasan sekitar di daerah Sik bagi meneliti lokasi yang sesuai untuk dijadikan kawasan kajian sebelum menjalankan kajian lapangan. Selain itu, bilangan penduduk juga diteliti dengan mengambil kira responden yang menepati ciri-ciri tertentu seperti tahap umur, tahap pendidikan, penguasaan bahasa dan tempoh menetap di kawasan kajian. Selepas melakukan kajian rintis di kawasan tersebut, didapati bahawa lingkungan kawasan pertuturan DPS adalah sangat luas, iaitu meliputi keseluruhan daerah Sik. Skop kajian dikecilkan lagi dengan memilih kawasan kajian di Kampung Telaga Batu (KTB). KTB dipilih kerana di perkampungan tersebut didiami oleh kebanyakan golongan penutur yang berumur 40 tahun dan ke atas dan sebahagian besarnya adalah penutur natif DPS.

Penutur natif merupakan penutur asli yang betul-betul menggunakan DPS. Sebolehnya responden yang dipilih untuk kajian ini tidak mempunyai atau mendapat pendidikan secara formal. Sekiranya responden yang mempunyai pendidikan, tahap pendidikan yang diperolehi mestilah tidak melebihi daripada pendidikan sekolah menengah ataupun pendidikan pondok sahaja. Ini bertujuan supaya pengumpulan data tidak dipengaruhi oleh tahap pendidikan responden yang tinggi di samping pergaulan yang luas dengan masyarakat luar akibat daripada pendidikan yang diterima. Selain itu, penutur natif juga mestilah terdiri daripada mereka yang melakukan kerja-kerja kampung supaya tidak berlaku percampuran bahasa asli mereka dengan bahasa lain (Ajid, 1985). Untuk kajian ini, seramai 30 penutur natif lelaki dan wanita yang berumur antara 45 hingga 75 tahun telah dipilih sebagai responden.

Setelah maklumat yang diperlukan diperolehi dalam kajian rintis, maka kerja pengutipan data sebenar di lapangan kemudiannya dilaksanakan dalam durasi masa lima hari.

Pengutipan data dimulakan dengan meminta maklumat peribadi daripada responden untuk melengkapkan soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian, iaitu bahagian A ialah maklumat diri responden seperti nama, umur, jantina, tempoh menetap di daerah Sik dan tahap pendidikan. Bahagian B pula berkaitan senarai data leksikal. Bahagian ini mengandungi sebanyak 100 leksikal dalam BMS yang perlu disebut oleh responden dalam DPS.

Berikut adalah senarai leksikal yang terdapat dalam Bahagian B pada soal selidik yang digunakan. Kolum DPS itu akan dilengkapkan apabila leksikal-leksikal tersebut sudah dierolehi daripada responden.

Jadual 1: Contoh senarai leksikal pada soal selidik

Input	BMS	DPS
/tə.lur/	[tə.lo]	
/ti.dur/	[ti.do]	
/gu.gur/	[gu.go]	
/a.ir/	[ʔa.je]	
/fi.kir/	[fi.ke]	
/ka.fir/	[ka.fe]	
/saŋ.gul/	[saŋ.gol]	
/kə.tul/	[kə.tol]	
/tu.kul/	[tu.kol]	
/paŋ.gil/	[paŋ.gel]	
/am.bil/	[am.bel]	
/ku.til/	[ku.tel]	
/ba.suh/	[ba.soh]	
/tar.uh/	[ta.roh]	
/ta.buh/	[ta.boh]	
/lə.bam/	[lə.bam]	
/e.nam/	[ʔe.nam]	
/ma.cam/	[ma.cam]	
/bə.bas/	[be.bas]	
/kə.las/	[kə.las]	
/lə.pas/	[lə.pas]	
/halus/	[halos]	
/bərus/	[bəros]	
/ratus/	[ratos]	

Setelah itu, kaedah pemerhatian dan rakaman dilakukan. Terdapat dua jenis kaedah pemerhatian, iaitu pemerhatian peserta dan pemerhatian bukan peserta. Sidek (2002), pemerhatian peserta ialah jenis pemerhatian yang melibatkan pemerhati menjadi seorang daripada ahli dalam kumpulan yang hendak diperhati dan pada masa yang sama membuat pemerhatian. Manakala, pemerhatian bukan peserta, iaitu pemerhati memilih tempat dan melakukan kaedah rakaman tanpa disedari oleh responden. Kebaikan pemerhatian jenis ini

ialah responden kajian mungkin tidak menyedari kehadiran pemerhati dan dengan itu, ia akan menunjukkan tingkah laku yang tulen dan ini menyumbang kepada ketepatan maklumat yang dikumpulkan.

Untuk kajian ini, pemerhatian bukan peserta telah digunakan supaya bunyi sebutan responden dapat dikenal pasti dan boleh mentranskripsikannya ke dalam simbol fonetik. Pemerhatian dilakukan sewaktu responden sedang berbual-berbual di kedai-kedai runcit, warung-warung, pasar dan rumah kenduri yang mempunyai bilangan responden yang ramai dan terdiri daripada golongan warga tua. Kaedah pemerhatian ini mengambil masa antara 10 hingga 15 minit dan dilakukan dengan merakam perbualan yang berlangsung antara mereka yang terlibat. Penggunaan kaedah rakaman secara sembunyi dilakukan supaya sebutan yang sebenar dalam DPS dapat diperolehi dan bukannya sebutan yang dibuat-buat oleh responden. Alat rakaman diletakkan berdekatan dengan responden sewaktu perbualan berlangsung.


Selepas data DPS dikumpulkan, kerja-kerja analisis dilakukan. Sebelum itu, data yang diperolehi di lapangan di bersihkan dan ditranskripsikan dengan menggunakan simbol IPA (International Phonetic Alphabet) yang standard. Kemudian, data DPS di kategorikan mengikut perilaku fonologi yang sesuai. Hasil pengkategorian data berdasarkan perilaku fonologi, empat proses fonologi dikesan dalam data DPS yang melibatkan konsonan di akhir kata, iaitu (1) peleburan, (2) penggantian, (3) penyisipan dan (4) pengguguran. Setiap proses fonologi ini kemudiannya dibincangkan secara teoretis berdasarkan idea daripada TO.

3.2 Prosedur Analisis Data

Dalam kajian ini, proses fonologi ke atas konsonan di akhir kata dibincangkan dengan menggunakan tatatingkat kekangan daripada TO (Prince & Smolensky, 1993; McCarthy 2006). Seperti model linguistik yang lain, TO merupakan suatu teori bahasa yang mengetengahkan konsep input dan output serta hubungan di antara keduanya (Archangeli & Langedeon, 1997). Dalam TO, hubungan di antara input dan output akan melalui perantara dua mekanisme rasmi yang dikenali sebagai GEN (untuk *GENERATOR*) dan EVAL (*EVALUATOR*) yang boleh diringkaskan seperti berikut:

$$\begin{aligned} \text{GEN (in)} &= \{\text{calon 1, calon 2,}\} \\ \text{EVAL} (\{\text{calon 1, calon 2,}\}) \end{aligned}$$

Fungsi GEN ialah menjana sejumlah set calon-calon yang berpotensi yang dipanggil ‘output’ daripada setiap input. EVAL ialah suatu mekanisme dalam TO yang berperanan memilih calon optimal daripada satu set calon yang telah dihasilkan oleh GEN. EVAL memanfaatkan sepenuhnya kekangan-kekangan yang boleh diingkari yang telah disusun dalam suatu tatatingkat kekangan yang berhirarki. Calon yang mematuhi semua kekangan dalam hirarki atau mengingkari secara minimum kekangan-kekangan tersebut akan dipilih sebagai calon optimal oleh EVAL.



Rajah 1: Skematik TO

(Sumber: Archangeli & Langedeon, 1997, p. 14)

Terdapat lima prinsip utama dalam TO yang boleh dirumuskan seperti dalam rajah di bawah (McCarthy & Prince, 1993):


1) Universaliti	UG – <i>Universal Grammar</i> atau nahu Universal menyediakan set kekangan-kekangan yang semuanya bersifat sejagat. Kekangan-kekangan yang bersifat sejagat ini wujud dalam semua nahu bahasa.
2) Pengingkaran	Kekangan-kekangan dalam TO boleh diingkari. Tetapi pengingkaran itu mestilah berlaku pada tahap minimum.
3) Tatatingkat	Kekangan-kekangan dalam CON (<i>CONSTRAINT</i>) ditatatingkatkan secara khusus bahasa.
4) Keterangkuman	Hierarki kekangan menilai satu set calon-calon yang dianggap munasabah oleh struktur kepurnaan bentuk (<i>well-formedness</i>).
5) Keselarian	Pematuhan pada tatatingkat kekangan dinilai berdasarkan pada keseluruhan tatatingkat dan set calon-calon. Derivasi secara berperingkat tidak wujud.

4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Inventori Fonem BMS dan DPS

Ahli-ahli bahasa mempunyai pandangan yang berbeza apabila membincangkan tentang inventori fonem konsonan bahasa Melayu. Farid (1980) menyatakan bahawa bahasa Melayu mempunyai 18 fonem konsonan, iaitu /p/, /b/, /t/, /d/, /k/, /g/, /tʃ/, /dʒ/, /s/, /h/, /m/, /n/, /ɲ/, /ŋ/, /l/, /r/, /j/ dan /w/, manakala Abdullah (1974), Yunus (1980), dan Teoh (1994) menyatakan terdapat 19 fonem konsonan, iaitu /p/, /b/, /t/, /d/, /g/, /tʃ/, /dʒ/, /s/, /h/, /m/, /n/, /ɲ/, /ŋ/, /l/ dan /r/, /w/ dan /ʔ/ dalam bahasa Melayu.

Dari segi suku kata pula, kebanyakan ahli BMS bersetuju bahawa struktur suku kata dasar BMS ialah (K)V(K) (Abdullah, 1974; Yunus, 1980; Farid, 1980; Zaharani, 2005). Namun, pemutasi atau pengagihan suku kata dasar yang mungkin ialah V, VK, KVK dan VK. Zaharani (2006) berpendapat bahawa BMS mempunyai pola suku kata KV dan KVK, iaitu penyisipan K di akhir suku kata dalam membentuk suku kata dasar, iaitu berpola KV(K) dan implikasi daripada itu ialah pemutasi suku kata dasar yang terdapat hanyalah KV dan KVK dan suku kata dasar yang berpola *V dan *VK tidak dibenarkan. Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa pola suku kata BMS ialah KV(K). Binaan struktur suku kata ini ditunjukkan dalam Rajah 2:



Rajah 2: Binaan struktur suku kata BMS

Berdasarkan Jadual 2, inventori konsonan BMS terdiri daripada tujuh konsonan letupan, iaitu /p, b, t, d, k, g, ʔ/, dua bunyi konsonan letusan, iaitu /tʃ/ dan /dʒ/, empat konsonan sengauan, iaitu /m, n, ɲ, ŋ/, satu konsonan sisian, iaitu /l/, dua konsonan geseran, iaitu /s/ dan /h/, satu konsonan getaran, iaitu /r/ dan dua bunyi separuh vokal, iaitu /w/ dan /j/. Jadual 2 menunjukkan kesemua 19 konsonan yang terdapat dalam BMS.

Jadual 2: Inventori konsonan BMS (Yunus, 1980, p. 51)

Daerah Sebutan Cara Sebutan	Bibir	Gigi-gusi	Gusi-Lelangit keras	Lelangit keras	Lelangit lembut	Pita suara
Letupan	p b	t d			k g	ʔ
Letusan			tʃ dʒ			
Sengauan	m	n	ɲ		ŋ	
Sisian		l				
Geseran		s				h
Getaran		r				
Separuh vokal	w			j		

Namun Asmah (1985) menyatakan bahawa DPS merupakan sebahagian daripada subkawasan dialek Melayu Utara, iaitu sekumpulan dengan dialek Perlis, Pulau Langkawi, Lembah Kedah-Seberang Perai yang bermula dari Kubang Pasu hingga ke Bandar Baharu, daerah Baling, daerah Padang Terap sehingga ke Padang Besar. Kajian yang paling hampir dengan DPS ialah kajian yang dilakukan oleh Shahidi (2009) mengenai fonologi subdialek Kedah Utara (KU). Dalam kajian tersebut, beliau telah mengelaskan inventori konsonan subdialek Kedah Utara (KU) seperti dalam Jadual 3:

Jadual 3: Inventori konsonan subdialek KU (Shahidi, 2009)

Daerah sebutan Cara sebutan	Bilabial	Alveolar	Palato-Alveolar	Velar	Glotal
Hentian	p b	t d		k g	
Afrikat		s	c ʃ		h
Nasal	m	n	ɲ	ŋ	
Lateral		l			
Getaran		r			
Separuh Vokal			j	w	

Jadual 3 menunjukkan bahawa terdapat 18 konsonan dalam subdialek KU. Berdasarkan kepada perbincangan Shahidi (2009), daerah Sik termasuk dalam kawasan KU. Oleh itu, kajian ini ingin mencadangkan agar konsonan frikatif [ç] dimasukkan ke dalam inventori konsonan KU. Penemuan daripada kajian ini mendapati konsonan frikatif [ç] juga hadir dalam sebutan DPS. Ini dapat dilihat dalam DPS apabila berlakunya proses perubahan konsonan /s/ menjadi konsonan [ç]. Contohnya, /halus/ direalisasikan sebagai [haluç] dan bukannya [halos] seperti yang dituturkan dalam BMS dan beberapa dialek Melayu yang lain seperti di Johor dan Melaka.

Dalam kajian ini, senarai inventori konsonan yang baru diperkenalkan untuk subdialek KU selepas penambahan konsonan frikatif [ç], seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4:

Jadual 4: Pindaan inventori konsonan subdialek KU.

Daerah sebutan Cara sebutan	Bilabial	Alveolar	Palato- Alveolar	Velar	Glotal
Hentian	p b	t d		k g	
Afrikat		s	c j		h
Frikatif			ç		
Nasal	m	n	ɲ	ŋ	
Lateral		l			
Getaran		r			
Separuh vokal			j	w	


Jadual 4 menunjukkan terdapat 19 segmen konsonan dalam inventori konsonan subdialek KU yang diperkenal selepas mengambil kira DPS. Sungguhpun terdapat 19 konsonan semuanya, tidak semua konsonan ini boleh hadir di akhir kata dalam DPS. Ini menunjukkan terdapat satu halangan atau kekangan dalam sistem fonologi DPS yang tidak membenarkan sekumpulan segmen konsonan itu berada di posisi akhir kata. Justeru, perbincangan selanjutnya akan membincangkan proses fonologi yang terlibat dalam DPS dalam menghalang konsonan-konsonan tertentu daripada menduduki posisi akhir kata.

4.2 Proses Fonologi

Hasil daripada analisis menerusi data DPS yang diperolehi daripada kerja lapangan, didapati berlaku proses-proses fonologi yang melibatkan perubahan pada konsonan di posisi akhir kata.

Proses-proses fonologi yang telah dikenal pasti ialah peleburan, penyisipan dan penggantian. Berikut dibincangkan setiap proses fonologi tersebut:

Menurut Wilhelm (2000), proses peleburan didorong oleh pengekalan kehadiran input sementara bertemu dengan kekangan kebertandaan atau struktur bentuk kepurnaan. Menurut McCarthy dan Prince (1995), peleburan berlaku apabila input yang berbilang menjadi satu kesepadanan dalam output. Hubungan antara input dan output diterangkan seperti Rajah 2:



Rajah 3: Hubungan antara input dan ouput dalam proses peleburan

Rajah 2 menunjukkan bahawa input X_1 dan X_2 bergabung menjadi satu dan menjadi output X_{12} . Proses fonologi peleburan konsonan biasa dijumpai dalam dialek Melayu. Contohnya, seperti yang berlaku dalam dialek Terengganu. Proses peleburan konsonan juga berlaku pada suku kata akhir perkataan seperti dalam perkataan /tukay/ menjadi [tukɔ], iaitu segmen /y/ dihilangkan dan vokal /a/ direalisasikan sebagai [ɔ] (Nur Adibah & Sharifah Raihan, 2017). Perlu dinyatakan bahawa peleburan konsonan di posisi akhir suku kata ini turut berlaku dalam DPS. Empat konsonan akhir didapati terlibat dalam proses peleburan DPS, iaitu /r/, /l/, /h/ dan /m/.

Konsonan /r/ dalam DPS mengalami proses peleburan sekiranya konsonan ini hadir berurutan dengan vokal tinggi /u/ dan /i/ di akhir suku kata seperti /ur/ dan /ir/. Urutan /ur/ dan /ir/ masing-masing berubah menjadi [ɔ] dan [ɛ]. Contohnya, /telur/ menjadi [telɔ], dan /hilir/ menjadi [hilɛ], iaitu konsonan /r/ di akhir kata digugurkan dan vokal tinggi sebelum /r/ itu mengalami perubahan, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 dan Jadual 6.

Jadual 5: Peleburan segmen /ur/ menjadi [ɔ]

Input	BMS	DPS
/tə.lur/	[tə.lo]	[tə.lɔ]
/ti.dur/	[ti.do]	[ti.dɔ]
/gu.gur/	[gu.go]	[gu.gɔ]
/a.tur/	[ʔa.tur]	[ʔa.tɔ]
/la.dʒur/	[la.dʒo]	[la.dʒɔ]
/da.pur/	[da.po]	[da.pɔ]

Jadual 6: Peleburan segmen /ir/ menjadi [ɛ]

Input	BMS	DPS
/a.ir/	[ʔa.ir]	[ʔæ]
/fi.kir/	[fi.kir]	[fi.kɛ]
/ka.fir/	[ka.fir]	[ka.fɛ]
/hi.lir/	[hi.lir]	[hi.lɛ]
/bu.tir/	[bu.tir]	[bu.tɛ]
/ma.hir/	[ma.hir]	[ma.hɛ]

Selain konsonan /r/, konsonan /l/ juga mengalami peleburan di akhir kata. Peleburan konsonan /l/ ini berlaku di akhir suku kata sama seperti konsonan /r/. Konsonan /l/ dalam DPS mengalami peleburan sekiranya konsonan /l/ di akhir suku kata mempunyai urutan vokal seperti /u/ dan /i/. contohnya, /saŋ.gul/ menjadi [saŋ.gɔ] dan /ku.til/ menjadi [ku.tɛ] dan. Contoh data untuk proses peleburan konsonan /l/ dalam DPS ialah seperti yang terdapat dalam Jadual 7 dan Jadual 8.

Jadual 7: Peleburan /ul/ menjadi [ɔ]

Input	BMS	DPS
/saŋ.gul/	[saŋ.gol]	[saŋ.gɔ]
/kə.tul/	[kə.tol]	[kə.tɔ]
/tu.kul/	[tu.kol]	[tu.kɔ]
/pu.kul/	[pu.kol]	[pu.kɔ]
/sam.pul/	[sam.pol]	[sam.pɔ]
/tum.pul/	[tum.pol]	[tum.pɔ]

Jadual 8: Peleburan /il/ menjadi [ɛ]

Input	BMS	DPS
/paŋ.gil/	[paŋ.gel]	[paŋ.gɛ]
/am.bil/	[ʔam.bel]	[ʔam.bɛ]
/ku.til/	[ku.tel]	[ku.tɛ]
/ka.til/	[ka.tel]	[ka.tɛ]
/ʔuŋ.kil/	[ʔuŋ.kel]	[ʔuŋ.kɛ]
/ka.il/	[ka.el]	[ka.ɛ]

Selain itu, konsonan /h/ turut mengalami peleburan di akhir suku kata dalam DPS. Peleburan ini walau bagaimanapun hanya berlaku sekiranya /h/ didahului oleh vokal tinggi /u/ seperti /tuduh/ dan /basuh/ yang disebut oleh penutur DPS masing-masing sebagai [tudɔ] dan [basɔ].

Jadual 9: Memaparkan contoh untuk proses fonologi peleburan ini

Input	BMS	DPS
/ba.suh/	[ba.soh]	[ba.sɔ]
/tar.uh/	[ta.roh]	[ta.rɔ]
/ta.buh/	[ta.boh]	[ta.bɔ]
/bu.luh/	[bu.loh]	[bu.lɔ]
/mak.ruh/	[mak.roh]	[mak.rɔ]
/taŋ.guh/	[taŋ.goh]	[taŋ.gɔ]

Konsonan /m/ yang menduduki posisi akhir suku kata yang didahului oleh vokal /a/ seperti /macam/ menjadi [macɛ] mengalami peleburan dalam DPS. Contoh data ditunjukkan dalam Jadual 10.

Jadual 10: Peleburan urutan /am/ menjadi [ɛ]

Input	BMS	DPS
/lə.bam/	[lə.bam]	[lə.bɛ]
/ə.nam/	[ə.nam]	[ə.nɛ]
/ma.ʔam/	[ma.ʔam]	[ma.ʔɛ]
/hi.tam/	[hi.tam]	[hi.tɛ]
/ta.nam/	[ta.nam]	[ta.nɛ]
/kə.lam/	[ke.lam]	[kə.lɛ]

Menurut Crystal (2008), penggantian (*substitution*) ialah istilah yang digunakan di dalam linguistik yang merujuk proses atau hasil kepada penggantian satu item dengan satu item yang lain dalam sesuatu leksikal. Penggantian fonem adalah satu bentuk kecenderungan yang umum bagi sesuatu bahasa untuk mengekalkan bunyi daripada dihapuskan. Proses fonologi penggantian juga terdapat dalam dialek Melayu yang lain. Teoh (1988) mendakwa konsonan hentian seperti /k/, /t/ dan /p/ dalam dialek Kelantan berubah menjadi [ʔ] apabila berada di akhir kata. Contoh ini dapat dilihat dalam Jadual 11.

Jadual 11: Konsonan /t/ dan /p/ menjadi [ʔ] di akhir kata (Teoh, 1988)

Input	Output
/ikat/	[ikaʔ] ikat
/dakap/	[dakaʔ] dakap

Proses fonologi penggantian /s/ kepada [h] berlaku dalam DPS apabila vokal sebelumnya adalah vokal /a/. Namun, proses penggantian /s/ kepada [h] yang berlaku dalam DPS memaparkan sedikit kelainan di mana proses penggantian konsonan ini diikuti oleh proses penyisipan separuh vokal [j] antara vokal [a] dan konsonan [h] yang menggantikan konsonan /s/ di akhir kata. Penyisipan bermaksud satu proses fonologi yang memasuk atau menyelitkan segmen ke dalam bentuk dasar dan dan juga dikenali sebagai epentesis. Penyisipan menyebabkan tiada segmen pada tahap fonemik dan ditambah kepada bentuk fonetik perkataan tersebut dan boleh dilihat dalam tiga cara iaitu penyisipan *voiceless stop*, penyisipan *glottal stop* dan penyisipan vokal (Fox, 2000). Namun, data DPS menunjukkan suatu proses penyisipan yang berbeza daripada apa yang dinyatakan oleh Fox (2000). Dalam DPS, proses penyisipan melibatkan bunyi separuh vokal [j] antara vokal dan konsonan di akhir kata.

Contohnya, /bəbas/ menjadi [bəbaʰh]. Proses penyisipan /j/ ini telah mengubah konsonan akhir DPS daripada /s/ menjadi [h]. Selain itu, dalam DPS juga berlaku penyisipan. Dengan maksud lain, penggantian konsonan /s/ kepada [h] di lingkungan akhir kata mestilah diikuti oleh proses penyisipan [j]. Penyisipan separuh vokal [j] hanya berlaku apabila konsonan di akhir kata itu adalah konsonan [h]. Contoh seperti dalam Jadual 12.

Jadual 12: Penyisipan konsonan [j] dalam DPS

Input	BMS	DPS
/be.bas/	[be.bas]	[be.baʰh]
/kə.las/	[kə.las]	[kə.laʰh]
/lə.pas/	[lə.pas]	[lə.paʰh]
/bə.kas/	[bə.kas]	[bə.kaʰh]
/tan.das/	[tan.das]	[tan.daʰh]
/ri.mas/	[ri.mas]	[ri.maʰh]

Proses penggantian konsonan juga berlaku dalam DPS, iaitu konsonan frikatif alveolar /s/ berubah menjadi konsonan alveopalatal [ç] di akhir kata sekiranya konsonan ini didahului oleh vokal tinggi /u/ seperti ditunjukkan dalam Jadual 13.

Jadual 13: Perubahan konsonan /s/ menjadi [ç]

Input	BMS	DPS
/halus/	[halus]	[haluç]
/bərus/	[bərus]	[bəruç]
/ratus/	[ɣatus]	[ɣatuç]
/təbus/	[təbus]	[təbuç]
/rəbus/	[ɣəbus]	[ɣəbuç]
/arus/	[ʔaɣus]	[ʔaɣuç]

Kehadiran alveo-palatal [ç] di akhir kata dalam DPS ini adalah suatu yang unik dalam dialek dan bahasa Melayu. Selain DPS, konsonan alveo-palatal [ç] ini juga banyak dijumpai dalam bahasa German dan bahasa Polish bagi menggantikan konsonan /s/ (Trost, 2015).

Kehadiran konsonan likuida /r/ di akhir kata dalam DPS menunjukkan variasi dalam outputnya. Variasi pertama ialah konsonan likuida /r/ di posisi ini lazimnya digugurkan

sekiranya vokal yang mendahuluinya bukan terdiri daripada vokal tinggi seperti /a/. Perlu dinyatakan bahawa konsonan likuida /r/ di lingkungan akhir kata dalam DPS tidak mengalami penggantian seperti dalam dialek Kedah yang lain. Seperti yang dijelaskan oleh Zaharani (2006), segmen likuida /r/ digantikan oleh bunyi frikatif faring [ʕ] dalam dialek Kedah. Justeru, input /pagar/ akan muncul sebagai [paɡaʕ] dalam dialek Kedah. Data DPS walau bagaimanapun menunjukkan sedikit perbezaan berkenaan dengan kehadiran konsonan likuida /r/ di posisi akhir kata. Tidak seperti dialek Kedah, DPS lebih cenderung menggugurkan konsonan likuida /r/ tanpa menggantikannya dengan sebarang segmen lain di posisi akhir kata ini. Vokal sebelumnya juga tidak mengalami sebarang perubahan. Oleh itu, input /pagar/ tidak akan muncul sebagai *[paɡaʕ] dalam DPS, sebaliknya disebut sebagai [paɡa]. Output DPS ini adalah sama dengan BMS di mana segmen likuida /r/ di akhir kata digugurkan (Zaharani, 2005). Ternyata, walaupun DPS merupakan sub dialek Kedah, tetapi wujud sedikit perbezaan tentang kehadiran konsonan likuida /r/ di lingkungan akhir kata. Variasi yang wujud ini adalah suatu menarik dan unik yang juga perlu diteliti. Jadual 14 adalah contoh kehadiran konsonan likuida /r/ di akhir kata dalam DPS:

Jadual 14: Pengguguran konsonan likuida /r/ di akhir kata dalam DPS

Input	BMS	DPS
/ba.jar/	[ba.ja]	[ba.ja]
/bə.sar/	[bə.sa]	[bə.sa]
/tu.kar/	[tu.ka]	[tu.ka]
/də.ŋar/	[de.ŋa]	[də.ŋa]
/pa.gar/	[pa.ga]	[pa.ga]
/lu.ar/	[lu.wa]	[lu.wa]

Variasi kedua pula ialah konsonan likuida /r/ di akhir kata yang didahului oleh vokal tinggi seperti /u/ dan /i/. Dalam konteks ini, konsonan likuida /r/ bukan sahaja digugurkan, tetapi vokal tinggi yang mendahuluinya itu mengalami perubahan kepada vokal [ɛ]. Proses fonologi yang sesuai untuk menjelaskan variasi kedua konsonan likuida /r/ di akhir kata ini ialah peleburan, seperti yang telah dibincangkan lebih awal.

Selain daripada konsonan likuida /r/, konsonan likuida /l/ yang berada di lingkungan akhir kata juga mengalami pengguguran dalam DPS. Konsonan /l/ yang didahului oleh vokal

selain vokal tinggi seperti /a/ akan digugurkan. Jadual 15 memaparkan beberapa contoh daripada data DPS berkenaan dengan proses ini:

Jadual 15: Proses pengguguran konsonan likuida /l/ di akhir kata dalam DPS

Input	BMS	DPS
/kə.kal/	[kə.kal]	[kə.ka]
/kə.nal/	[kə.nal]	[kə.na]
/a.sal/	[ʔa.sal]	[ʔa.sa]
/ka.pal/	[ka.pal]	[ka.pa]
/a.kal/	[ʔa.kal]	[ʔa.ka]
/taŋ.kal/	[taŋ.kal]	[taŋ.ka]

Proses fonologi pengguguran konsonan likuida /l/ yang berlaku dalam DPS seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 15 turut berlaku dalam dialek-dialek Melayu yang lain seperti dialek Kelantan. Input /bantal/ dalam dialek Kelantan direalisasikan sebagai [bata:] (Ajid, 1985).

4.3 Analisis Teori Optimality

Dalam menjelaskan proses peleburan yang berlaku dalam DPS seperti yang dibincangkan dalam bahagian sebelum ini, kekangan SYARAT KODA amat memainkan peranan yang penting dalam menghalang konsonan-konsonan seperti /r/, /l/, /s/, /h/ dan /m/ daripada menduduki posisi koda akhir kata. Dengan ini, kekangan SYARAT KODA yang diperkenalkan oleh Ito dan Armin (1994) yang dimanfaatkan oleh Zaharani (2006) dalam menangani SYARAT KODA dalam dialek Kedah kini diformulasasikan semula seperti berikut:

SYARAT KODA

Jajar Kiri (/l/, /r/, /s/, /m/, /h/, )

Kekangan SYARAT KODA di atas mensyaratkan konsonan /l/, /r/, /m/ dan /h/ tidak dibenarkan berada di posisi koda suku kata. Dengan adanya kekangan SYARAT KODA ini, konsonan-konsonan tersebut melalui proses peleburan seperti yang telah ditunjukkan dalam JADUAL 5-10. Peleburan konsonan yang berlaku di posisi akhir kata dalam DPS adalah kerana adanya syarat fonologi yang diletakkan ke atas konsonan tertentu yang hadir di posisi kata ini. Wlaau

bagaimanapun, peleburan konsonan yang berlaku telah menyebabkan pengingkaran terhadap kekangan kesetiaan yang dinamakan UNIFORMITI, yang diformalisasikan seperti berikut:

UNIFORMITI ('tiada penggabungan') (McCarthy & Prince 1995, p. 296)

Tiada elemen di S_2 berkoresponden dengan lebih daripada satu elemen di S_1 .

Untuk $x, y \in S_1$ dan $z \in S_2$: Jika $x R z$ dan $y R z$, maka $x=y$.

McCarthy dan Prince (1995) menjelaskan bahasa UNIFORMITI merupakan rentetan kekangan atau pemetaan berbilang elemen input kepada satu kesepadanan dalam output. Dengan maksud lain, kekangan yang tidak membenarkan dua segmen di peringkat input berkongsi satu koresponden di peringkat input. Menurut McCarthy dan Prince (1995), kekangan UNIFORMITI ditatatingkatkan lebih rendah berbanding kekangan yang lain sekiranya calon yang mengalami peleburan adalah yang calon optimal. Berikut adalah ditunjukkan interaksi dua kekangan yang baru dibincangkan ini, iaitu SYARAT KODA dan UNIFORMITI dalam tatatingkat TO:

Jadual 16: Analisis TO untuk proses penggantian dalam
 DPS SYARAT KODA >> UNIFORMITI

/tə.lur/	SYARAT KODA	UNIFORMITI
a. tə.lur	*!	
b. t̪ə.lɔ		*
/hi.lir/		
c. hi.lir	*!	
d. h̪i.lɛ		*
/saŋ.gul/		
e. saŋ.gul	*!	
f. s̪aŋ.gɔ		*
/paŋ.gil/		
g. paŋ.gil	*!	
h. p̪aŋ.gɛ		*
/ba.suh/		
i.basuh	*!	
j. b̪asɔ		*
/lə.bam/		
k. lə.bam	*!	
l. l̪ə.bɛ		*

Berdasarkan tablo TO pada Jadual 16, semua calon yang mengalami peleburan segmen daripada /ur/, /ir/ dan /il/ di peringkat input kepada segmen vokal [ɛ], manakala segmen /ul/ dan /uh/ di input pula berubah menjadi [ɔ] di output merupakan satu strategi yang digunakan dalam DPS untuk menghindari kehadiran segmen tersebut daripada muncul di output. Oleh itu, calon-calon ini, iaitu calon (b), (d), (f), (h), (j) dan (l) dalam Jadual X muncul sebagai calon-calon yang optimal kerana pematuhan pada kekangan yang dominan, iaitu SYARAT KODA, yang melarang penggabungan segmen berlaku. Calon-calon yang lain walau bagaimanapun yang telah mengingkari kekangan SYARAT KODA telah disingkirkan.

Proses penggantian /s/ menjadi konsonan alveo-palatal [ç] di posisi koda akhir kata yang berlaku dalam DPS pula menunjukkan segmen di input telah digantikan dengan satu segmen yang lain di peringkat output, seperti perkataan /halus/ dan /bərus/ yang masing-masing

disebut sebagai [haluç] dan [børuç]. Proses penggantian yang berlaku ini menyebabkan output DPS seperti [haluç] dan [børuç] telah mengingkari salah satu daripada kelaurga kekangan kesetiaan yang dinamakan sebagai IDENT[F]-IO, yang boleh diformulasasikan seperti berikut:

IDENT[F]-IO

Segmen input yang berkoresponden dengan ouput harus memiliki fitur yang sama (perubahan fitur tidak dibenarkan).

Kekangan kesetiaan IDENT[F]-IO mensyaratkan fitur-fitur yang mencirikan segmen input harus dikekalkan pada peringkat output. Dengan mempertimbangkan kekangan IDENT[F]-IO serta dua kekangan yang telah pun dibincangkan sebelum ini, iaitu SYARAT KODA dan UNIFORMITI, berikut diilustrasikan analisis tablo TO DPS:

Jadual 17: SYARAT KODA >> UNIFORMITI >> IDENT[F]-IO

/halus/	SYARAT KODA	UNIFORMITI	IDENT[F]-IO
a. ha.lus	*!		
b. ha.lø		*!	*
c.  ha.luç			*

Calon (a) pada tablo dalam Jadual 17 disingkirkan kerana mengingkari SYARAT KODA. Sebaliknya, calon (b) yang mengalami peleburan mematuhi kekangan SYARAT KODA, tetapi calon ini ingkar pada kekangan UNIFORMITI yang melarang penggabungan segmen. Oleh itu, calon (b) disingkirkan. Calon (c) yang tidak di akhiri oleh segmen /s/ patuh pada SYARAT KODA. Walau bagaimanapun, penggantian segmen /s/ kepada konsonan alveo-palatal [ç] di posisi koda akhir kata menyebabkan calon ini mengingkari kekangan IDENT[F]-IO kerana perubahan pada identiti konsonan di akhir kata tersebut. Namun begitu, pengingkar ini tidaklah signifikan kerana calon (a) dan (b) telah pun berjaya disingkirkan terlebih dahulu. Maka dengan ini, calon (c) dipilih sebagai calon paling optimal.

Di samping penggantian /s/ yang berada di akhir kata menjadi konsonan [ç], konsonan frikatif bersuara ini juga mengalami perubahan kepada [h] apabila berada di posisi ini. Ini dapat dilihat pada perkataan seperti /bebas/ berubah menjadi [be.ba^hh]. Penyisipan segmen pada [be.ba^hh] telah menyebabkan calon ini mengingkari kekangan kesetiaan DEP-IO yang tidak

membenarkan penyisipan segmen berlaku pada suku kata. Dengan memasukkan kekangan DEP-IO dalam tablo analisis TO, kekangan ini perlu menduduki tataingkat yang paling minimal jika calon yang mengalami penyisipan ingin muncul sebagai calon yang optimal. Oleh sebab itu, kekangan kesetiaan DEP-IO ini ditatatingkan di tatatingkat yang paling rendah dalam hirarki TO untuk DPS, seperti dalam Jadual 18. Maka, hirarki tatatingkat kekangan dalam TO sekarang ialah: SYARAT KODA >> UNIFORMITI >> IDENT[F]-IO >> DEP-IO.

DEP-IO

Setiap segmen dalam output mesti mempunyai korespondennya dalam input (tiada penyisipan).

Jadual 18: SYARAT KODA >> UNIFORMITI >> IDENT[F]-IO >> DEP-IO.

/bebas/	SYARAT KODA	UNIFORMITI	IDENT[F]-IO	DEP-IO
a. bebas	*!			
b. ^h be.ba ^h			*	*
c. bebo		*!	*	

Calon (a) dalam tablo TO dalam Jadual 18 telah mengingkari kekangan SYARAT KODA yang menduduki tatatingkat tertinggi dalam hirarki TO kerana kehadiran segmen /s/ pada calon (a) ini di posisi koda akhir kata. Calon (c), iaitu [bebo] yang mengalami peleburan di aman segmen /as/ di akhir kata telah dileburkan menjadi [ɔ], maka calon ini telah mengingkari kekangan UNIFORMITI yang menghalang penggabungan segmen berlaku. Peningkaran calon (a) dan calon (c) pada kekangan yang menduduki tatatingkat tinggi dalam analisis TO DPS telah menyebabkan kedua-dua calon ini tersingkir. Oleh sebab itu, calon (b) yang mengalami penyisipan dan perubahan segmen /s/ kepada [h] di akhir kata mengingkari kekangan IDENT[F]-IO dan DEP-IO. Peningkaran pada kekangan-kekangan ini walau bagaimanapun tidak lagi signifikan kerana calon (a) dan (c) sudah pun tersingkir lebih awal dalam penilaian tatatingkat kekangan TO. Maka, calon (b), iaitu [be.ba^h] muncul sebagai calon yang optimal.

Bagi proses penguguran pula, seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, konsonan /r/ dan /l/ di posisi akhir kata dalam DPS digugurkan. Penguguran segmen /r/ dan /l/ dalam DPS ini dapat dilihat pada perkataan seperti /bajar/ dan /kəkal/ di mana masing-masing disebut

sebagai [baja] dan [kəka]. Pengguguran segmen ini melibatkan kekangan kesetiaan yang dinamakan MAKSIMALITI-IO atau dikenali sebagai MAKS-IO. Kekangan MAKS-IO tidak membenarkan pengguguran berlaku pada suku kata.

MAKS-IO

Setiap segmen di dalam input mestilah mempunyai koresponden dalam output (pengguguran segmen tidak dibenarkan).

Jadual 19: Tablo TO untuk proses pengguguran dalam DPS: SYARAT KODA >>

UNIFORMITI >> IDENT[F]-IO >> DEP-IO

/ba.jar/	SYARAT KODA	UNIFORMITI	IDENT[F]- IO	DEP-IO	MAKS- IO
a. bajar	*!				
b.  baja					*
c. bajɔ		*!	*		
/kə.kal/					
d. kə.kal	*!				
e.  kə.ka					*
f. kə.kɔ		*!	*		

Jadual 19 menunjukkan segmen likuida/l/ yang menduduki posisi akhir kata pada calon (a) dan (d) telah menyebabkan kedua-dua calon ini mengingkari kekangan SYARAT KODA. Dengan itu, calon (a) dan (d) tersingkir daripada hirarki tatatingkat TO. Sebaliknya berlaku pada calon (b) dan (e). Kedua-dua calon ini mematuhi kekangan SYARAT KODA. Kerana menggugurkan segmen /l/ di akhir kata. Walau bagaimanapun, calon (b) dan (e) ini mengingkari kekangan MAKS-IO. Peningkaran kekangan MAK-IO ini walau bagaimanapun merupakan peningkaran yang minimal kerana MAKS-IO berada pada tatatingkat yang paling minimal. Maka, calon (b) dan (e), iaitu [baja] dan [kəka] muncul sebagai calon-calon optimal. Calon (c) dan (f) yang mengingkari kekangan kedua penting dalam hirarki tatatingkat TO DPS walau bagaimanapun tersingkir lebih awal kerana mengalami peleburan segmen.

5.0 KESIMPULAN

Setiap dialek/bahasa mempunyai syaratnya sendiri yang tidak membenarkan sesetengah konsonan daripada hadir di posisi akhir kata. Kehadiran sesetengah konsonan di posisi ini lazimnya ditangani dengan cara khusus bahasa atau dialek - bergantung kepada bahasa atau dialek tersebut. Hal ini berlaku dalam DPS yang tidak membenarkan konsonan seperti /r/, /l/, /h/ dan /m/ menduduki suku kata akhir dan kehadiran konsonan ini ditangani dengan proses fonologi yang dinamakan sebagai peleburan. Proses peleburan menyebabkan konsonan /r/, /l/, /h/ dan /m/ tidak lagi berada di posisi akhir kata, seperti yang telah ditunjukkan dalam data DPS. Selain itu, DPS juga mempunyai proses penyisipan [j] dan penggantian konsonan /s/. Contohnya, /be.bas/ menjadi [be.bajh]. Penggantian konsonan frikatif /s/ kepada [ç] di akhir kata apabila vokal tinggi mendahului konsonan ini merupakan output yang unik dan menarik yang terdapat dalam DPS.

Proses-proses fonologi yang berlaku dalam DPS ini telah dibuktikan oleh kekangan SYARAT KODA yang menghalang segmen-segmen tertentu daripada berada di posisi koda akhir kata. Dalam analisis tablo TO yang dibincangkan dalam bahagian analisis menunjukkan kekangan SYARAT KODA adalah kekangan yang paling dominan dalam DPS di mana kekangan ini menduduki tatatingkat teratas dalam hirarki tatatingkat TO. Justeru, pematuhan pada kekangan ini sangat dituntut dan pengingkarannya menyebabkan output yang tidak gramatis muncul. Analisis TO yang dijelaskan dalam kajian ini juga membuktikan SYARAT KODA bukan sahaja terlaksana pada konsonan likuida .r. dan /l/, sepertimana yang dibincangkan oleh Zaharani (2006), malah ia juga terlaksana pada segmen-segmen lain seperti /s/, /h/ dan /m/.

Pendeskripsian proses fonologi di akhir kata dalam DPS ini dapat merancakkan lagi perbincangan ilmu linguistik amnya dan ilmu fonologi khasnya berkenaan dengan dialek Melayu, khususnya DPS. Sehingga kini, kajian mengenai dialek Kedah termasuklah dialek DPS hanya mendapat perhatian segelintir daripada ahli dan pengkaji bahasa. Justeru, kajian ini dapat melengkapkan perbincangan mengenai dialek Kedah khususnya DPS seiring dengan dialek Melayu yang lain. Di samping itu, kajian ini juga dapat memberi pemahaman kepada penutur dialek Melayu khususnya dalam kalangan penutur DPS sendiri kerana dialek ini semakin hari semakin hilang penuturnya. Kebanyakan golongan muda sudah kurang minat dan mahir menuturkan DPS dalam pertuturan seharian disebabkan oleh pelbagai faktor seperti prestij, pendidikan formal, penghijrahan ke bandar untuk bekerja dan sebagainya. Justeru,

kajian ini sedikit sebanyak dapat menghidupkan kembali DPS yang semakin kurang penutur jatinya.

RUJUKAN

- Abdullah, H. (1974). *The morphology of Malay*. Kuala Lumpur: Institute of Language and Literature.
- Ajid, C. K. (1985). *Dialek geografi Pasir Mas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Archangeli, D. & Langendean, T. (1997). *Optimality theory: An overview*. Arizona: Blackwell Publishing.
- Asmah, H. O. (1985). *Susur galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, T. J. (1989). *Antologi kajian dialek Melayu* (Cetakan Kedua: Kementerian Pendidikan Malaysia). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crystal, D. (2008). *A dictionary of linguistics and phonetics* (6th Edition). USA: Blackwell Publishing.
- Farid, O. (1980). *Aspect of Malay phonology and morphology: A generative approach*. Bangi: National University of Malaysia.
- Fox, A. (2000). *Prosodic features and prosodic structure: The phonology of "suprasegmentals"*. Oxford: Oxford University Press.
- Ito, J. & Armin, M. (1994). Reflections on codacond and alignment. In Jason Merchant, Jaye Padgett and Rachel Walker III (eds.), *Phonology at Santa Cruz* (pp. 27-46). Santa Cruz: Linguistics Research Center.
- McCarthy, J. (2006). Prosodic morphology. Dlm. Brown, K., Anderson, A.H., Bauer, L., Berns, M., Hirst, G., & Miller, J (pnyt.), *Encyclopedia of language and linguistics* (pp. 182-190). New York: Elsevier.
- McCarthy, J. & Prince, A. M. (1993). *Prosodic morphology: Constraint interaction and satisfaction*. Amherst: University of Massachusetts.
- McCarthy, J. & Prince, A. M. (1995). *Faithfulness and reduplicative identity*. Amherst: University of Massachusetts.
- Norfazila, A. H. & Rahim, A. (2014). Proses pemanjangan vokal dalam dialek Hulu Sik Kedah: Satu penerapan teori fonologi generatif model non-linear. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(2), 195-205.

- Nur Adibah, H. & Sharifah Raihan, S. J. (2017). Struktur suku kata terbitan dialek Terengganu. *Akademika*, 87(1), 165-175.
- Prince, A. M. & Smolensky, P. (1993). *Optimality theory: Constraint interaction in generative grammar*. New Jersey, U.S.: Wiley-Blackwell.
- Ruslan, U. (2011). *Keistimewaan dialek Melayu Patani*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sidek, M. N. (2002). *Reka bentuk penyelidikan: Falsafah, teori dan praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Shahidi, A. H. (2009). Alternasi dalam fonologi subdialek Kedah Utara. *Jurnal Bahasa*, 9(2), 302-325.
- Teoh, B. S. (1988). *Aspects of Malay phonology revisited: A non-linear approach*. (Unpublished doctoral dissertation). University of Illinois.
- Teoh, B. S. (1994). *The sound system of Malay revisited*. Kuala Lumpur: Institute of Language and Literature.
- Trost, P. (2015). Systemic support for the x/ç distinction in German. *Taylor and Francis Online*, 14(2-3), 243-246.
- Yunus, M. (1980). *The Malay sound system*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Yupho, N. (1989). Consonant clusters and stress rules in Pattani dialect. *Mon-Khmer Studies*, 15(1), 125-137.
- Wilhelm, A. (2000). *A closer look at coalescence: The slave d-effect*. Canada: The University of Calgary.
- Zaharani, A. (2005). *The phonology-morphology interface in Malay: An optimality theoretic account*. Canberra: Pacific Linguistics, The Australian National University.
- Zaharani, A. (2006). Kepelbagaian dialek dalam Bahasa Melayu: Analisis tatattingkat kekangan. *E-Bangi*, 1(1), 1-26.